

# SMTE mampu diteruskan dengan adanya penyelidikan berterusan

NST 9.11.2017 ♀

KOTA KINABALU: Pembangunan bidang sains, matematik dan pendidikan teknologi (SMTE) mampu diteruskan dengan adanya kajian dan penyelidikan yang berterusan oleh pengkaji dan tenaga pengajar.

Pengarah, Pusat Pendidikan Sains dan Matematik (SMEC), Universiti Curtin, Perth, Australia, Prof. John Williams berkata matlamat utama SMTE adalah meliputi pembangunan yang menyeluruh khususnya dalam kajian dan penyelidikan.

"Asas pembangunan SMTE adalah bergerak seiring dengan penyampaian yang diberikan oleh pemimpin negara, iaitu kepentingan yang membawa kepada peningkatan dari segi sosio-ekonomi dan berkait rapat dengan polisi serta keperluan tenaga kerja," jelasnya ketika menyampaikan ucapan tama semasa Persidangan Antarabangsa Sains, Matematik dan Pendidikan Teknologi (SMTE) kali ke-9 di Dewan Resital, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW), Universiti Malaysia Sabah (UMS) kelmarin.

John berkata sistem pendidikan yang sejak dulu kala yang meliputi silibus pendidikan sekolah rendah dan sekolah menengah telah memainkan peranan dalam membentuk kerjaya pilihan, matlamat dan minat para pelajar dalam SMTE.

"Pendidikan yang diberikan kepada pelajar menjadi faktor utama para pelajar memilih jalan kerjaya dan minat yang bakal diceburi pada masa hadapan," katanya.

Beliau menjelaskan bahawa peranan pendidik dalam menetapkan matlamat perlu seiring dengan falsafah pendidikan yang sah.

"Para pelajar akan cenderung menceburi bidang SMTE dan memilih kerjaya sebagai pendidik dan pengkaji dalam bidang ini sekiranya sejak awal mereka diterapkan dengan nilai dan kepentingan bidang ini dalam pembangunan diri dan negara," katanya.

Selain itu, beliau juga memberitahu kemahiran yang diperlukan di abad ke-21 kini adalah lebih cenderung kepada pembangunan suasana kerja dalam komuniti yang memerlukan setiap individu menguasai SMTE.

Tambahnya lagi, kajian yang berterusan hasil usaha penyelidikan bidang SMTE mampu mengangkat peranan SMTE sebagai bidang yang penting kepada para pelajar dan mampu mengekalkan kelangsungan kejayaan negara pada masa akan datang. **-OLEH NOOR ZAFIRA SHAFIE**